

Pembantu peribadi terlepas tali gantung

KUALA LUMPUR - Seorang pembantu peribadi terlepas hukuman gantung sampai mati setelah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam daripada dua pertuduhan mengedar dadah tahun lalu.

Pesuruhjaya Hakim Datuk Paduka Azman Abdullah membuat keputusan itu terhadap tertuduh R. Mageswaran, 32, selepas pihak pendakwaan gagal menimbunkan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didapati mengedar dadah berbahaya iaitu empat paket lutsinar methamphetamine seberat 96.59 gram (g) manakala bagi pertuduhan kedua pula 20 paket lutsinar heroin seberat 0.56g dan 0.38g monoacetylmorphines.

Kedua-dua kesalahan itu

dilakukan di No. 21 Jalan Kovil, Kg. Chetty, Senyum di sini pada 6 Januari 2015, pukul 7 malam.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama bagi -pertuduhan pertama manakala Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1953 yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalam penghakimannya itu, Azman berkata, pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen pemilikan dadah berkenaan termasuk rumah dan barangan di dalam rumah yang bukan milik tertuduh.

Seramai tujuh saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula 24 Mac lalu.



MAGESWARAN (tengah) gembira semasa berbual dengan peguamnya selepas dilepas dan dibebaskan daripada dua pertuduhan mengedar dadah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.